



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERBICARAAN KES SECARA SIDANG VIDEO BAGI MAHKAMAH
PERSEKUTUAN DAN MAHKAMAH RAYUAN DI SABAH DAN SARAWAK**

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan akses kepada keadilan disampaikan kepada semua lapisan masyarakat. Beberapa pendekatan telah dilaksanakan bagi memastikan kesinambungan akses kepada keadilan (*continuing access to justice*) dapat dilaksanakan. Tidak dapat dinafikan, pandemik COVID-19 ini telah menjadi pemangkin kepada penggunaan teknologi secara optimum dan menjadikan Badan Kehakiman Malaysia menjadi cakna teknologi dalam menjalankan bidang kuasa dan fungsi Kehakiman.

Sehubungan itu, Badan Kehakiman Malaysia maju setapak lagi dengan memperkenalkan Perbicaraan Kes Secara Sidang Video bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak. Perbicaraan sidang video ini terpakai untuk pendengaran rayuan dan permohonan bagi kes-kes sivil dan Jenayah Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak menggunakan perisian *Skype / Skype for Business* dan *Zoom* atau apa-apa perisian yang ditentukan oleh Mahkamah.

Perbicaraan sidang video bagi kes sivil dan jenayah dikendalikan di tempat yang berikut:

- a) Panel Persidangan akan bersidang di Istana Kehakiman, Putrajaya.
- b) Peguam akan mengendalikan kes di Mahkamah di Sabah dan Sarawak yang ditentukan oleh Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan / Mahkamah Rayuan Putrajaya.

- c) Bagi kes jenayah, banduan akan dibawa ke Mahkamah yang terletak berhampiran dengan lokasi penjara di mana banduan tersebut ditempatkan. Timbalan Pendakwa Raya dan Peguambela hendaklah hadir dan mengendalikan kes di Mahkamah yang berkenaan.
- d) Bagi kes sivil, Peguam boleh mengendalikan kes di pejabat peguam dengan kebenaran Panel Persidangan.

Perbicaraan kes secara sidang video bagi Mahkamah Rayuan di Sabah akan bermula pada 15 Jun 2020 dan di Sarawak pada 22 Jun 2020. Bagi persidangan kes secara sidang video bagi Mahkamah Persekutuan di Sabah pula akan bermula pada 6 Julai 2020 dan di Sarawak pada 10 Ogos 2020.

Pada 15 Jun 2020 juga, suatu tayangan langsung (*live streaming*) pendengaran kes secara sidang video bagi kes di Mahkamah Rayuan di Sabah akan dijalankan. Kes tersebut adalah suatu kes rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Tawau dalam memberikan Perintah Certiorari kepada Responden untuk keputusan yang diberikan oleh Mahkamah Industri di Kota Kinabalu, Sabah. Panel Hakim Mahkamah Rayuan akan bersidang di Istana Kehakiman, Putrajaya manakala peguam-peguam akan berada di Mahkamah Tawau. Tayangan langsung tersebut boleh ditonton melalui Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia di pautan www.kehakiman.gov.my dan saluran YouTube Badan Kehakiman Malaysia.

Badan Kehakiman Malaysia ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Peguam Negara, Pertubuhan Undang-Undang Sabah (SLS) dan Persatuan Peguambela Sarawak (AAS) atas sokongan padu yang telah diberikan dalam melaksanakan Perbicaraan Kes Secara Sidang Video bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak ini.

Bagi memudahkan pelaksanaan Prosiding Perbicaraan Kes Secara Sidang Video bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak ini, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah menyediakan Panduan Pengendalian Persidangan Mahkamah Secara Sidang Video bagi Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan di Sabah dan Sarawak ("Panduan ini").

Infografik Panduan ini boleh diakses melalui Portal rasmi PKPMP di www.kehakiman.gov.my.

Terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 12 Jun 2020